

# BBC anggap Bajet '04 beri kelebihan golongan pendapatan rendah

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) mengangap Bajet 2004 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri di Dewan Rakyat hari ini memberi banyak kelebihan kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Pengerusi BBC, Datuk Ir. Mohd. Zin Mohamed berkata, pelbagai kemudahan termasuk penghapusan cukai jalan motosikal berkapasiti bawah 150 cc dan program pembangunan wanita dan institusi kekeluargaan merupakan antara keprihatinan kerajaan dalam bajet kali ini.

“Selain itu, pelbagai peruntukan tambahan diberikan kepada agensi-agensi dalam usaha kerajaan mengurangkan penggantungan ekonomi negara dengan pelaburan langsung asing (FDI) sekali gus untuk merancakkan pelaburan langsung domestik (DDI),” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas Bajet 2004 yang dibentangkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini yang antara lain menyatakan sebanyak RM128.6 juta diperuntukkan bagi pembangunan wanita dan institusi kekeluargaan khususnya kepada ibu tunggal, warga tua dan orang kurang upaya.

Golongan ibu tunggal juga menerima peruntukan sebanyak RM100 juta melalui Skim Kredit Desa yang akan dikhususkan bagi pinjaman kepada mereka yang mempunyai perusahaan sendiri.

Selain itu, untuk menggalakkan sektor industri kecil dan sederhana (IKS), kerajaan bercadang untuk meningkatkan nilai pengecualian pendapatan bercukai sektor itu kepada RM500,000 berbanding sebelum ini sebanyak RM10,000.

Dengan peningkatan tersebut, sektor IKS akan mempunyai sumber sebanyak RM322 juta lagi untuk dilaburkan semula.